

# Muhyiddin sampaikan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada 12 penerima

**KUALA LUMPUR 4 Nov.** - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menyampaikan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong bagi sesi pengajian 2014/2015 kepada 12 penerima di bangunan Parlimen di sini.

Enam penerima terdiri daripada para pelajar yang mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah iaitu Siti Nur Kamaliah Kamarudin dari Uni-

versiti Oxford, Mohd. Azrul Salleh Putin (Universiti Putra Malaysia), Norkasmani Aziz (Universiti Malaya) serta tiga orang dari Universiti Sains Malaysia iaitu Roszaharah Yaacob, Ng Wai Hoe dan Chua Hooi Chin.

Penerima lain pula mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana iaitu Nor Kamal Ariff Nor Hisham Shah dari Universiti Cornell, Afifah

Mohamed (Kolej Imperial London), Shivanand Sivamohan (Universiti Harvard), Syazreen Sophia Abdul Halim (Universiti Sains Malaysia) serta Gan Siaw Chin dan Seow Khai Jou dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Yang turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.



**MUHYIDDIN YASSIN** beramah mesra dengan para penerima biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi Pengajian 2014/2015 di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Mohamad Zabidi Zainal (enam dari kiri). - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN